



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/2 (37)

Tarikh : 27 Februari 2013

**Ketua Pengarang,
Berita Harian,**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AWAM MENGENAI KEGIATAN PENGEDARAN DAN
PENAGIHAN DADAH DI BATU 2,3 DAN 5 GURUN KEDAH MELALUI AKHBAR
BERITA HARIAN 26 FEBRUARI 2013 DALAM RUANGAN NASIONAL M/S 31.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada aduan yang dikemukakan oleh [UDUNOTDNA:BHA34120] melalui akhbar Berita Harian bertarikh 26 Februari 2013.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi aduan berkenaan:

Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan UDUNOTDNA dalam menyalurkan aduan berkenaan dadah dalam negara. Untuk makluman, AADK memandang serius aduan tersebut. Sehubungan itu AADK akan mengambil tindakan risikan dan siasatan bagi aduan yang disalurkan dan seterusnya akan mengadakan operasi bersepadu bersama pihak PDRM di lokasi yang dinyatakan dalam masa yang terdekat. Pihak AADK memohon agar pengadu tidak mengambil sebarang tindakan bersendirian kerana ia akan membahayakan keselamatan diri pengadu dan masyarakat. AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca Berita Harian, salurkan aduan tersebut melalui emel kepada pro@adk.gov.my atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888.

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,


(MOHD AMIR KHUSAIRI HARUN)

b.p. Ketua Pengarah,
Agensi Antidadah Kebangsaan,
Kementerian Dalam Negeri

- Sk: - Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
- Pengarah Pengesanan dan Pengawasan AADK
- Tn. Jayadalloh
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia,
50560 Bukit Aman, Kuala Lumpur.